

**PEMBERIAN INSENTIF KEPADA PENSYARAH/TUTOR YANG MELANJUTKAN PENGAJIAN DAN BERJAYA MENDAPATKAN IJAZAH KEDOKTORAN DALAM TEMPOH ASAL YANG DILULUSKAN.**

Jabatan Pendaftaran

Telah Dihantar: 13 Mei 2010 14:44

Kepada: UUM - All Staff

13 MEI 2010**29 JAMADIL AWAL 1431H****"UUM : UNIVERSITI PILIHAN UTAMA"
(FIRST CHOICE UNIVERSITY)****PEMBERIAN INSENTIF KEPADA PENSYARAH/TUTOR YANG MELANJUTKAN PENGAJIAN DAN BERJAYA MENDAPATKAN IJAZAH KEDOKTORAN DALAM TEMPOH ASAL YANG DILULUSKAN.**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang ke-66 (Bil 2/2010) pada 6 April 2010 telah bersetuju dengan cadangan untuk memberikan insentif wang tunai berjumlah **RM10,000.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Ribu Sahaja)** kepada Pensyarah/Tutor yang melanjutkan pengajian dan berjaya memperolehi Ijazah Kedoktoran dalam tempoh asal yang diluluskan mengikut syarat-syarat seperti yang ditetapkan.

Syarat-syaratnya adalah seperti berikut:-

- i. Memulakan pengajian Ijazah Kedoktoran dalam tempoh cuti belajar yang telah diluluskan;
- ii. Tarikh surat kelulusan Mesyuarat Senat Universiti akan digunakan sebagai pengesahan pensyarah/tutor tersebut mendapat ijazah kedoktoran dalam tempoh yang diluluskan;
- iii. Pemberian insentif di atas adalah tertakluk kepada budi bicara Universiti; dan
- iv. Insentif yang dicadangkan adalah dalam bentuk wang tunai berjumlah RM10,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Sahaja).

Sekian dimaklumkan.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi di talian 04-9283028 (Mohd Anizam Ariffin)

Unit Pengajian Lanjutan
Jabatan Pendaftaran
Universiti Utara Malaysia
Tel: 04-9283028/3033 Faks: 04-9284178